



## **PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**

### **PEKELILING PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2010**

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Terengganu.

#### **PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2011**

##### **1. TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan bagi penyediaan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri bagi tahun 2011.

##### **2. SENARIO SEMASA**

- 2.1. Pemulihan ekonomi global dan serantau menjadi bertambah baik pada suku keempat 2009. Ekonomi Malaysia telah pulih daripada krisis global dan kembali mencatat pertumbuhan positif iaitu 4.5% pada suku keempat. Faktor utama yang mendorong pertumbuhan ini ialah penggunaan swasta yang mapan, perbelanjaan sektor awam yang meningkat dan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pemulihan ekonomi negara dijangka lebih pesat pada masa akan datang dan ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu.
- 2.2. Cabaran utama Kerajaan Negeri dalam konteks hasil ialah ketidakupayaan hasil untuk menampung perbelanjaan yang besar. Pada tahun 2009 kerajaan memungut RM1.511 billion atau 83% daripada anggaran tetapi jumlah ini kurang RM132.54 juta daripada kutipan tahun sebelumnya. Ini menyebabkan Akaun Hasil Disatukan terus mengalami defisit kerana tidak dapat menampung Perbelanjaan Mengurus yang hampir sama dengan tahun sebelum iaitu pada paras RM1.785 billion.

- 2.3. Pada umumnya trend perbelanjaan telah meningkat dan tidak seiring dengan jumlah hasil yang diperolehi. Oleh itu dalam tempoh tiga(3) tahun defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat kepada RM699.01 juta (tahun 2008: RM424.96 juta). Keadaan ini menunjukkan kerajaan telah berbelanja melebihi daripada pendapatan sebenar tahun tersebut dan menggunakan wang daripada Akaun Amanah untuk membiayai lebihan perbelanjaan itu.
- 2.4. Seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2010 lalu, kerajaan komited untuk menangani isu defisit ini. Langkah memperbetulkannya ialah dengan mengurangkan perbelanjaan sebenar dan peruntukan dalam belanjawan dan pada masa yang sama meningkatkan hasil kerajaan. Tindakan ini akan mengambil masa dan menuntut kepada kesedaran, pengorbanan serta komitmen yang tinggi dan bersungguh-sungguh daripada semua peringkat khususnya pihak pengurusan dan *state holder* selaku pihak yang membuat dasar atau keputusan. Atas dasar ini dan bagi meningkatkan keupayaan negeri untuk terus berdaya saing, perancangan ke arah belanjawan lebihan, pemotongan peruntukan dan kawalan perbelanjaan yang lebih ketat adalah amat perlu.
- 2.5. Bagi mencapai matlamat ini kerajaan perlu mengurangkan perbelanjaan dan melakukan perbelanjaan dengan lebih berhemat di samping meningkatkan usaha-usaha pemantapan dan pengukuhan hasil serta mencari sumber hasil baru. Langkah berjimat hendaklah dimulakan di peringkat perancangan dan perbelanjaan dikurangkan kepada tahap sebenar dan optimum. Penilaian bagi mencapai tahap keberkesanan kos (*cost effective*) dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan perlu dibuat. Pegawai Pengawal hendaklah memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang benar-benar penting, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran.

### **3. DASAR BELANJAWAN 2011**

- 3.1. Tumpuan belanjawan adalah terarah kepada dasar sediaada ataupun dasar yang diubahsuai. Cadangan Belanjawan ini perlu mengambilkira perencanaan Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 2009-2013, Bidang Keberhasilan Utama Negeri dan Rancangan Transformasi Kerajaan serta diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh(RMKe-10).
- 3.2. Pegawai Pengawal hendaklah memberi tumpuan kepada isu-isu semasa, senario dan asas-asas pembangunan yang mana masih sama semenjak dahulu lagi. Di antara isu-isu tersebut ialah pembangunan modal insan, membasmi kemiskinan, menjana pendapatan rakyat, penyediaan

perumahan, pembangunan sektor-sektor ekonomi secara lebih fokus, IKS dan keusahawanan, infrastruktur, kemudahan asas & komunikasi, pembangunan bandar & pusat pertumbuhan dan lain-lain. Isu membasmi kemiskinan menjadi keutamaan kerana kerajaan mensasarkan pembasmian kemiskinan tegar sifar peratus dan miskin 2.8% sebelum akhir tahun 2010. Pada masa yang sama perancangan di bawah ECER perlu diselaraskan agar tidak ada pertindihan program dan projek. Walau bagaimanapun sesuatu program atau projek yang dirangka mestilah mampu memberi impak maksima dan terus kepada rakyat dalam merealisasikan agenda merakyatkan pentadbiran dan pembangunan.

3.3. Strategi belanjawan negeri antara lain adalah seperti berikut:-

- (i) meneruskan dasar perbelanjaan berhemat dan berjimat cermat
- (ii) mengurangkan defisit dalam Akaun Hasil Disatukan
- (iii) meningkatkan hasil kerajaan dengan mempelbagaikan usaha yang berterusan
- (iv) membangunkan modal insan berkualiti
- (v) menjamin kesejahteraan rakyat
- (vi) meningkatkan daya saing negeri
- (vii) meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- (viii) meneruskan aktiviti pembangunan sebagai penjana utama ekonomi negeri
- (ix) meningkatkan usaha menarik sektor swasta mengambil bahagian aktif dalam pembangunan negeri.

3.4. Bagi mencapai matlamat kerajaan untuk perbelanjaan berhemat, mengurus defisit secara lebih berkesan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri, Pegawai Pengawal hendaklah mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dan mengambilkira perkara-perkara berikut dalam menyediakan cadangan belanjawan:-

- (i) pematuhan terhadap garis panduan bagi mengawal perbelanjaan seperti Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil 7 Tahun 2008 dan Bil 9 Tahun 2008;
- (ii) menilai dan mengubahsuai program/projek di mana perlu bersesuaian dengan kehendak semasa, menghentikan program/projek yang didapati tidak lagi sesuai dan mengelakkan pertindihan program/projek atau fungsi jabatan/agensi;
- (iii) menyusun keutamaan program/projek dengan tumpuan kepada yang dapat memberi impak segera dan langsung kepada rakyat serta mencapai tujuan jabatan/agensi;
- (iv) faktor kewangan dan keupayaan melaksana (implementation capacity); dan

- (v) penyelenggaraan aset dan kelengkapan serta implikasi kewangan lain yang menjurus kepada perbelanjaan berulang (belanja pengurusan) selepas sesuatu program/projek siap.
- 3.5. Pegawai Pengawal hendaklah memberi penekanan kepada penjimatan dalam penggunaan utiliti dan pelaksanaan aktiviti dan program yang tidak kos efektif. Penganjuran majlis-majlis rasmi/seminar/pameran/kursus hendaklah dihadkan kepada yang perlu sahaja, dibuat secara sederhana pada kadar yang diluluskan oleh kerajaan dan diadakan dengan memberi keutamaan kepada premis kerajaan. Perjalanan/lawatan ke luar negara hendaklah dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja, pada kos yang berpatutan dan pegawai yang diluluskan bagi perjalanan ini adalah pegawai yang terlibat secara langsung. Bagi perjalanan di dalam negeri ia dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan cara perjalanan yang menjimatkan.
- 3.6. **Perancangan dan pelaksanaan program/projek hendaklah yang benar-benar perlu sahaja dan merupakan tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri.** Tindakan segelintir jabatan/agensi negeri mengambilalih sebahagian peranan jabatan/agensi Pusat dengan melaksanakan program/projek yang sebenarnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, akan merugikan Kerajaan Negeri. Tindakan ini akan menambahkan beban kewangan Kerajaan Negeri dan menjejaskan pengagihan peruntukan bagi program/projek yang menjadi tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri. Oleh itu amalan ini hendaklah dihentikan.

#### **Pengurusan dan Kawalan Kewangan**

- 3.7. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap teguran-teguran Ketua Audit Negara yang membangkitkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan akaun dalam laporannya, dan memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran tersebut serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri. Kelemahan semasa perancangan belanjawan dalam mengenal pasti keperluan kewangan menyebabkan berlakunya perbelanjaan tanpa kelulusan/peruntukan atau melebihi peruntukan, pindah peruntukan yang diluluskan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan tambah peruntukan (ASV) tidak dibelanjakan langsung.

#### **4. .PENYEDIAAN BELANJAWAN 2011**

- 4.1 Penyediaan Belanjawan 2011 hendaklah dibuat melalui talian terus dengan menggunakan Sistem SPEKS Modul Bajet.

## Perbelanjaan Mengurus

- 4.2 **Batas Perbelanjaan** bagi Belanjawan 2011 setiap jabatan adalah **sama sepertimana kelulusan dalam Belanjawan Tahun 2009 tetapi akan disemak semula dalam usaha mengurangkan perbelanjaan dan defisit kerajaan di samping memastikan aktiviti dalam ekonomi berterusan.** Ini bererti keperluan tambahan peruntukan bagi menampung kenaikan emolumen hendaklah diambil daripada punca-punca OSOL yang lain atau penjimatan melalui pemansuhan atau pengecilan skop program/aktiviti sedia ada.
- 4.3. Sumber-sumber sediaada hendaklah digembelungkan ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang maksima. Oleh itu peruntukan emolumen bagi jawatan yang baru dipohon ataupun jawatan kosong yang belum diisi pengisiannya tidak perlu disediakan. Bagi jawatan-jawatan yang sedia ada penyediaan peruntukan bagi gaji hendaklah diasaskan kepada perkiraan sebenar setelah mengambilkira kenaikan gaji tahunan dan pertambahan elaun tetap. Langkah ini perlu bagi mengelakkan peruntukan dipohon tidak dianggarkan berlebihan dan dengan demikian Batas Perbelanjaan dapat diagihkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan lain yang lebih memerlukan.
- 4.4. Jawatan-jawatan baru yang telah diluluskan sekalipun mendapat waran kelulusan perlulah dirujuk kepada Perbendaharaan Negeri terlebih dahulu sebelum pengisiannya dibuat. Bagi jawatan baru sekalipun untuk pekerja sementara bagi institusi baru/agensi baru perlu mendapat pandangan Perbendaharaan sebelum kertas berkenaan diangkat ke MMKN.
- 4.5. Semua peruntukan yang dibida secara *One-Off* perlulah dikeluarkan daripada anggaran permohonan. Ianya hendaklah dipohon secara berasingan dengan menyertakan justifikasi yang menyakinkan. Program atau aktiviti baru ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tertinggi Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan Negeri. Justifikasi bagi program/aktiviti ini hendaklah menggunakan format di Lampiran A berkembar.
- 4.6. Pembelian aset kenderaan hanyalah dibuka kepada jabatan yang telah selesai melupuskan kenderaan lama. Jabatan-jabatan yang masih dalam peringkat pelupusan tidak boleh dijadikan alasan untuk memohon pembelian aset kenderaan yang baru. Walau bagaimanapun jabatan teknikal yang melupuskan jentera dan bagi memastikan gerak kerja pembangunan mereka tidak tergendala boleh mengemukakan permohonan dengan syarat permohonan berkenaan sebagai gantian kepada kenderaan yang telah rosak dan penggunaan tidak lagi ekonomik.

- 4.7 Setiap program perlu ada ringkasan program. Keterangan tentang objektif, sasaran penggunaannya, impak terhadap penduduk setempat adalah antara isi kandungan yang perlu dikemukakan.
- 4.8. Semua penghantaran justifikasi termasuk peruntukan *One-Off* hendaklah dikemukakan secara e-mail kepada alamat [bajet11@terengganu.gov.my](mailto:bajet11@terengganu.gov.my). Semua penghantaran e-mail ini hendaklah menggunakan alamat e-mail rasmi jabatan.

### **Perbelanjaan Pembangunan**

- 4.9 Perbelanjaan pembangunan sebenar tahun 2009 adalah 62% sahaja daripada RM1,098,931,330 jumlah peruntukan yang disepak. *Short fall* yang sangat besar ini bukan sahaja akan mendapat teguran Audit tetapi menunjukkan ketidakcekapan Pegawai Pengawal dalam menguruskan perancangan dan pelaksanaan projeknya. Oleh itu sejajar dengan kemampuan sebenar dan usaha untuk menguruskan defisit secara lebih berkesan, siling bagi peruntukan pembangunan 2010 adalah dihadkan kepada RM500 juta sahaja.
- 4.10 Penyediaan Belanjawan Pembangunan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri yang bertanggungjawab menimbang, menyelaras dan meluluskan cadangan projek-projek pembangunan. Peruntukan yang dipohon hendaklah diselaraskan agar tidak bertindih dengan agensi Persekutuan ataupun perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Amanah yang telah dikhaskan.
- 4.11 Cadangan projek pembangunan hendaklah selari dengan dasar semasa Kerajaan Negeri ***dan hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah komited yang memerlukan kerja sambungan bagi menyiapkan projek-projek berkenaan.*** Jabatan-jabatan yang mengendalikan projek-projek berkenaan hendaklah memastikan bahawa hanya projek berimpak tinggi dengan faedahnya terus kepada rakyat diberi keutamaan.
- 4.12 Amalan memasukkan anggaran aset dan keperluan lawatan dalam vot Pembangunan hendaklah dihentikan. Keperluan ini akan dinilai secara berasingan atas dasar kes demi kes.

## **5. PENYAMPAIAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2011**

- 5.1 Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Cadangan Belanjawan 2011 kepada Perbendaharaan Negeri **sebelum 1 Jun 2010** untuk Justifikasi Bagi Peruntukan *One-Off* dan **15 Jun 2010** bagi Belanjawan oleh PTJ.

## 6. PENUTUP

- 6.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan belanjawan mengikut arahan dan peraturan serta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN “  
‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL )**

Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu.

28 April 2010

**s.k. :**

Y.B Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Semua Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri

*- Dimohon YB Dato'/Tuan menyelaraskan penyediaan belanjawan bagi portfolio masing-masing*

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB. Menteri Besar Terengganu.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu.

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu

**FORMAT JUSTIFIKASI BAJET MELEBIHI BATAS**

Jabatan : Maksud Bekalan : B

PTJ :

<b>Kod Aktiviti</b>	<b>Objek Sebagai</b>	<b>Objek Lanjut</b>	<b>Bajet 2010 (RM)</b>	<b>Bajet 2011 (RM)</b>	<b>Beza (RM)</b>	<b>% Beza</b>

1. Nama Program/ Aktiviti
2. Sebab-sebab melebihi batas